



# 1,200 serta perarakan Maulidur Rasul di Pahang

Mohd Rafi Mamat - Oktober 9, 2022 @ 12:03pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Seramai 1,200 peserta mewakili 33 kontinjen agensi kerajaan, swasta dan institusi pendidikan tempatan, menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022M peringkat negeri, di sini hari ini.

Perarakan bermula jam 8 pagi, sejauh kira-kira satu kilometer itu berakhir di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah.

Majlis sambutan turut diserikan dengan persembahan nasyid, ceramah agama dan penyampaian anugerah kepada tokoh serta hadiah kepada pemenang perarakan.

Sambutan dirasmikan oleh Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad dan Pengarah Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Dr Zulkifle Ali Al-Hafiz.



Pelajar Sekolah Menengah Agama Pelangai, Bentong antara 1,200 peserta menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022M peringkat negeri Pahang di Kuantan, hari ini. - NSTP/Mohd Rafi Mamat